

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. MUHAMMAD LEO
MICHAEL TOYAD ABDULLAH
[MUKAH]**

TARIKH : 27.11.2014 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 21

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan berapa peruntukan disediakan untuk membangun Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di Sarawak dan adakah rancangan Kementerian untuk menggunakan bekalan dari mini hidro yang dibina di Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang dipertua,

Dalam tempoh RMK-10 bermula dari tahun 2011 sehingga 2015, sejumlah RM2,232,494,400.00 telah diperuntukkan untuk melaksanakan projek BELB di seluruh Sarawak. Sehingga 30 Oktober 2014, sejumlah RM 1,660,696,329.00 telah dibelanjakan dan 49,205 buah rumah telah berjaya disambung dengan bekalan elektrik 24 jam.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kementerian sentiasa meneroka potensi penjanaan tenaga baharu bagi tujuan perbekalan elektrik di kawasan pedalaman Sarawak. Khusus bagi pelaksanaan projek mikro hidro, Kementerian pada tahun 2014 telah menyiapkan pembinaan stesen mikro hidro di Long Bangga yang telah memberi manfaat kepada 175 buah rumah di kawasan berkenaan.

Disamping itu, Kementerian juga dengan usahasama UNIMAS pada tahun 2013 telah merancang untuk

membina 2 projek mikro hidro perintis secara '*community based*' di Semulung Ulu, Pakan dan Nanga Sengaih, Sri Aman. Pembinaan sistem mikro hidro di Semulung Ulu, Pakan telah siap sepenuhnya dan penduduk kampung telah mendapat bekalan elektrik pada September 2014. Kerja-kerja pembinaan sistem mikro hidro di Nanga Sengaih pula dijangka akan dimulakan pada Januari 2015 dan dijangka siap pada Disember 2015.